

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L
ARULANANDRAM (KUALA LANGAT)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bilangan orang yang lahir di Malaysia tetapi mempunyai Kad Pengenalan Merah (Pemastautin Tetap) di Negara kita, dan berapa bilangan permohonan untuk ditukar ke Kad Pengenalan Biru yang telah diluluskan untuk tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan MyPR, pemohon perlu mempunyai pasport yang sah dan mempunyai Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Justeru itu, individu yang memegang MyPR tidak berkelayakan untuk menukar terus kepada Kad Pengenalan Warganegara Malaysia (MyKad) kerana mereka hendaklah terlebih dahulu mengemukakan

SOALAN NO : 45

permohonan kewarganegaraan sama ada di bawah Perkara 15(1) atau Perkara 16 atau Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan, tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2015 hingga 15 Oktober 2020, sebanyak 34,376 permohonan kewarganegaraan daripada pemegang MyPR di bawah Perkara 15(1), Perkara 16, dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 9,747 permohonan telah siap diproses dan diluluskan.